

30/06/2004

Pameran fasa kedua MSC Sabtu

KUALA LUMPUR: Orang ramai berpeluang mendapatkan pelbagai maklumat terkini mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam pameran Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) sempena bermulanya fasa kedua projek yang akan dilancarkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Sabtu ini.

Program yang bertemakan 'My Malaysia, MyMSC' itu akan dilakukan sepanjang tahun di seluruh negara bermula semalam.

Pengurus Pemasaran Jenama MDC, Joanna Ng, berkata tujuan utama program adalah untuk mengumumkan kepada orang ramai bahawa projek MSC kini sudah memasuki fasa kedua yang bermula awal tahun ini sehingga 2010.

"Program dijalankan di seluruh negara selama setahun bermula semalam di Pusat Beli-Belah Suria KLCC selama seminggu. Sehubungan itu, orang ramai boleh mendapatkan pelbagai maklumat mengenai projek MSC seperti MyKad, sekolah bestari, teleperubatan dan kerajaan elektronik.

"Selain itu, orang ramai boleh membuat MyKad di kaunter yang disediakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara," katanya semalam.

Beliau berkata, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat tepat mengenai perkembangan projek MSC dari fasa pertama sehingga kini.

"Dalam program itu, kita berikan apa yang sudah berlaku dan akan berlaku dalam fasa kedua supaya rakyat dapat memainkan peranan bagi menjayakan projek MSC ini," katanya.

MSC adalah projek nasional Malaysia yang diilhamkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, bertujuan membawa kemajuan kepada negara melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara inovatif.

(END)